

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cegah pembiakan kulat	Harian Metro
2.	Penduduk Perlis dinasihat tidak panik dengan ramalan hujan lebat	BERNAMA
3.	Gempa bumi lemah landa Borneo	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

CEGAH PEMBIAKAN KULAT

Inovasi baru tingkat produktiviti pengeluaran madu kelulut

INOVASI

Mohamad Hussin
 mohamad_hussin@
 hmetro.com.my

Nanocoating atau salutan nano adalah lapisan nipis yang disaluti pada permukaan pepejal yang mempunyai sifat antimikrob dan dapat mencegah pertumbuhan kulat.

Inovasi ini juga boleh meningkatkan ketahanan kotak 'topping' lebah kelulut.

Lebah kelulut dapat meningkatkan pengeluaran madu dalam keadaan bersih. Antimikrob pada salutan nano dapat membantu meningkatkan pengeluaran madu lebah dan seterusnya menjana pendapatan lebih tinggi bagi pengusahanya.

Teknologi salutan nano diperkenalkan NanoMalaysia Berhad. (NanoMalaysia) agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dapat meningkatkan nilai tambah kepada penternakan lebah kelulut secara mampan melalui pelaksanaan projek keusahawanan sosial.

Menterinya, Datuk Madius Tangau berkata, inovasi yang diperkenalkan iaitu kotak topping lebah yang disaluti dengan lapisan berteknologi nano untuk antimikrob dan menghalang pembiakan kulat.

Beliau berkata, ia adalah inovasi baru yang diperkenalkan NanoMalaysia untuk meningkatkan daya tahan kotak topping lebah kelulut dan mampu meningkatkan produktiviti madu sebanyak 20 peratus seterusnya menjana pendapatan yang berterusan untuk penduduk kampung.

"Kebaikan penternakan lebah kelulut berinovasi adalah dengan adanya lebah madu kelulut, ia boleh digunakan untuk pembuatan produk hiliran madu kelulut dalam bentuk sabun, pelembap bibir dan produk kesihatan lain."

"Kursus penternakan lebah kelulut yang dijalankan menarik minat penduduk kampung untuk menggunakan kaedah penternakan lebih bersistematik."

"Inovasi seperti penyedut



MADIUS (tengah) dan Rezal Khairi (kiri) melancarkan program penutupan.



TEKNOLOGI salutan nano digunakan pada kotak topping lebah kelulut untuk antimikrob dan menghalang pembiakan kulat.

madu yang diubah suai mampu membantu mempercepatkan proses pengumpulan madu kelulut. Madu lebah kelulut mempunyai harga pasaran yang lebih tinggi berbanding madu lain kerana ia mempunyai khasiat dan nutrien lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan penutupan program Pembangunan Usahawan Bella Agro dalam Perusahaan Madu Kelulut dengan Penggunaan Teknologi Nano menerusi Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) di Dewan Tun Hamdan, Tamparuli, Sabah, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia Dr Rezal

Khairi Ahmad. Lebih 100 peserta mengikuti kursus penternakan madu lebah kelulut yang dianjurkan NanoMalaysia dengan kerjasama Enactus UNITEN dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk membantu penduduk kampung dalam teori serta latihan amali.

Madius berkata, perusahaan madu lebah kelulut perlu dikembangkan dan dikomersialkan menggunakan teknologi baru untuk mendapatkan pulangan lumayan.

"Projek di bawah MSI dilaksanakan pada skala permulaan sebagai pemangkin untuk meningkatkan pembabitan penduduk tempatan dan sektor swasta pada skala lebih besar lalu memberikan impak yang bermanfaat kepada penduduk. Jika dulu, penternakan lebah kelulut hanya untuk pasaran tempatan, tetapi sekarang, hasil penternakan lebah mampu memasuki pasaran global," katanya.

Rezal berkata, salutan nano adalah inovasi yang boleh meningkatkan ketahanan kotak topping lebah kelulut.

"Lebah kelulut dapat meningkatkan pengeluaran madu dalam keadaan bersih."

"Antimikrob pada salutan nano dapat membantu meningkatkan pengeluaran madu lebah dan seterusnya menjana pendapatan yang lebih tinggi bagi penduduk kampung," katanya.



PENGUNJUNG melihat sarang madu kelulut.

Kursus penternakan lebah kelulut yang dijalankan menarik minat penduduk kampung untuk menggunakan kaedah penternakan lebah lebih bersistematik

MADIUS



Penduduk Perlis Dinasihati Tidak Panik Dengan Ramalan Hujan Lebat

KANGAR 21 Dis (Bernama) -- Penduduk Perlis dinasihati agar tidak panik dengan ramalan hujan lebat serta angin kencang di negeri ini dan beberapa negeri lain mulai esok hingga Ahad.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Perpaduan Perlis RELA Ahmad berkata kerajaan negeri sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan ekoran ramalan cuaca tersebut.

Beliau mengulas ramalan **Jabatan Meteorologi** semalam mengenai hujan lebat dan angin kencang itu.

RELA berharap orang ramai juga bersama-sama berwaspada untuk menghadapi kemungkinan berlaku banjir ekoran hujan lebat itu.

"Kita akan menggunakan pengalaman-pengalaman lalu jika berlaku banjir termasuk menyediakan pusat-pusat pemindahan jika perlu" katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Landa Borneo



KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.7 pada skala Richter berlaku di Borneo pada pukul 3.23 pagi ini, menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

Gempa bumi yang berpusat di 70 km Timur Laut dari Tarakan, Indonesia dan 56km Barat Daya dari Tawau, Sabah menyebabkan gegaran boleh dirasai di sekitar Tawau.

-- BERNAMA